

Headline	RM1.57 juta sumbangan warga kerja TNB diagih		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	12 Jul 2021	Language	Malay
Circulation	82,252	Readership	246,756
Section	Nasional	Page No	17
ArticleSize	266 cm ²	Journalist	N/A
PR Value	RM 26,526		



RM1.57 juta sumbangan warga kerja TNB diagih

Johor Bahru: Kira-kira RM1.57 juta dikumpul hasil sumbangan warga kerja Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang membuat potongan gaji kepada Tabung Warga TNB Prihatin (WTP) sejak bulan lalu.

Daripada jumlah itu, lebih RM1.137 juta sudah diagihkan kepada kira-kira 1,900 penerima di seluruh Semenanjung.

Pengerusi TNB, Datuk Seri Mahdzir Khalid, berkata TNB menerusi pengurusan tertinggi dan persatuan dalamannya menubuhkan WTP bagi mengumpulkan sumbangan secara sukarela daripada kakitangannya secara potongan gaji bulanan pada Jun dan Julai.

“Ia diagihkan kepada fakir miskin dan asnaf, ibu tunggal, orang kurang upaya, warga emas serta mereka yang kehilangan pekerjaan dan sumber pendapa-

tan,” katanya menerusi kenyataan, di sini semalam.

Mahdzir berkata, awal tahun ini, TNB menghulur bantuan kepada lebih 10,000 penerima daripada golongan B40 menerusi peruntukan hampir RM9.5 juta bagi membiayai pembinaan semula dan membaiki rumah, mengagih bekalan makanan dan keperluan asas serta wang saku.

Katanya, selain di peringkat ibu pejabat, ada juga kakitangan TNB di beberapa negeri turut melaksanakan inisiatif sendiri menghulurkan bantuan kepada masyarakat di sekitar mereka, berikutan pelaksanaan kawalan pergerakan yang berpanjangan.

Antaranya, anggota kerja TNB Kluang, Johor menyalurkan sumbangan barangan keperluan menerusi projek Gerobok Rezeki Staf TNB Kluang, manakala inisiatif bank makanan dijalankan



Penduduk sekitar beratur menerima sumbangan warga kerja TNB Kluang menerusi Gerobok Rezeki Staf TNB Kluang. (Foto ihsan TNB)

TNB Kemaman, Terenggamu menerusi kutipan ikhlas dalam kalangan anggota kerja serta sumbangan orang awam.

Kakitangan anak syarikat TNB iaitu Kapar Energy Ventures Sdn Bhd (KEV) yang bertugas di Stesen Janaelektrik Sultan Salahuddin Abdul Aziz di Kapar, Klang, Selangor, juga mengambil inisiatif mewujudkan bank makanan di beberapa kedai

terpilih sekitar Kampung Tok Muda, Serdang dan Pekan Kapar bagi meringankan beban penduduk sekitar.

“Usaha murni warga kerja kami ini mencerminkan pengertian mendalam aspek nilai keprihatinan syarikat dan menyokong program-program tanggung jawab syarikat TNB bagi membantu komuniti sekitar,” katanya.